

BAB 1
SEJARAH PENUBUHAN MADINAH INTERNATIONAL ISLAMIC
UNIVERSITY(MEDIIU)

1.1 PENDAHULUAN

Dewasa kini, sains dan teknologi menjadi kemuncak kecemerlangan pada sesebuah negara. Internet pula didatangkan dari produktiviti teknologi yang mampu memberikan kemudahan dan penggunaan secara positif terhadap pencarian ilmu. Oleh itu, pembelajaran secara dalam talian digunapakai pada masa kini dan sudah diaplikasikan penggunaannya di Malaysia. Sistem pembelajaran secara dalam talian mampu memberi peluang kepada semua lapisan umur dan kepada mereka yang tidak berpeluang dan tidak mempunyai masa untuk menghadiri kelas dan ingin meneruskan hasrat mereka dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi samada di peringkat sijil mahupun Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana ataupun Doktor Falsafah (PhD).

Oleh itu, dalam kajian ini penulis akan menjelaskan berkenaan dengan sejarah penubuhan Madinah International Islamic University(MEDIIU) yang memperkenalkan pengajian yang berkonsepkan maya atau e-pembelajaran demi memberikan pendidikan tinggi kepada serata masyarakat tanpa perlu menghadiri kuliah sebaliknya, belajar di rumah. Di samping itu, penulis juga akan menghuraikan lebih lanjut tentang perkara yang berkaitan dengan perkembangan MEDIIU berserta dengan program-program pengajian yang ditawarkan di sana.

Bagi mendapatkan data-data dan maklumat yang berkaitan, penulis perlulah menggunakan kaedah temubual, dokumentasi dan observasi di tempat kajian.


1.2 PERKEMBANGAN MADINAH INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY

1.2.1 Lokasi

Di dalam bab ini, penulis ingin menfokuskan berkenaan dengan lokasi Al-Madinah International Islamic University, di mana ia merupakan sebuah institusi swasta yang terletak di Tingkat 11, Plaza Masalam 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah E/9E, Shah Alam. Shah Alam merupakan ibu negeri Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Bandaraya ini terletak di antara Klang dan Petaling Jaya, kira-kira 25km di barat daya Kuala Lumpur. Shah Alam juga merupakan pusat ledakan ilmu kerana terdapat banyak pusat pendidikan ditubuhkan di situ terutama pusat pengajian tinggi. Di antara pusat pengajian tinggi awam yang ditubuhkan di Shah Alam ialah Universiti Teknologi MARA yang terletak di pusat Bandar Shah Alam. Selain itu, terdapat juga beberapa institusi pengajian tinggi yang lain di Shah Alam di antaranya; Universiti Selangor (universiti milik penuh Kerajaan Negeri Selangor), Management and Science University(MSU), PTPL College dan juga Madinah International Islamic University(MEDIU).

Madinah International Islamic University atau nama singkatannya MEDIU sebenarnya mempunyai dua cawangan utama di Malaysia iaitu di Shah Alam dan di Kolej Jaiputra, Kampus Kijang, Kota Bahru.

Rajah 1.1: Peta Madinah International Islamic University, Shah Alam.



Sumber: <http://www.mediu.edu.my/>¹⁶

Pun begitu, MEDIIU mempunyai lapan buah cawangan (*learning centre*) di seluruh dunia dimulai dari Asia Tenggara iaitu cawangan di Yogyakarta dan Sulawesi, Indonesia, di Singapura dan Bangkok, Thailand. Manakala di timur tengah pula, mereka memusatkan pusat pengajian mereka di Kuwait City, Kuwait dan Madinah al-Munawwarah, Saudi Arabia. Pun begitu, di Eropah juga terdapat dua cawangan iaitu di London, United Kingdom dan Morocco, Morocco LC.

Pada pandangan penulis, lokasi MEDIIU ini amat strategik kerana kedudukannya di tengah bandar membuatkan pelajar-pelajar yang bekerja di ibu pejabat boleh melanjutkan pengajian mereka dan lokasi di tengah bandar juga sesuai untuk pelaksanaan program yang berasaskan internet sepenuhnya.

¹⁶ *MEDIU Maps*, laman sesawang MEDIIU, dicapai pada 22 November 2012, <http://www.mediu.edu.my>.

Jadual 1.1: Alamat lapan buah cawangan Madinah International Islamic University di seluruh negara.

Bil.	Negara	Cawangan	Alamat
1.	Malaysia	Shah Alam	Al-Madinah International Islamic University, Tingkat 11, Plaza Masalam 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah E/9E, 40100 Shah Alam, Selangor.
		Kota Baharu	Kolej Jaiputra, Kampus Kijang, Lot 1911, Jalan Pantai Cahaya Bulan, 15350 Kota Bahru, Kelantan.
2.	Indonesia	Yogyakarta	Pasentran Virtual Al-Madinah Internasional, Jalan Kusumanegara, No.222, Muja-muju, Umbulharjo, Yogyakarta 55165, Indonesia.
		Sulawesi	Kampus STIBA, Jalan Inspeksi PAM Manggala, Kec. Manggala, Makassar 90234, Indonesia.
3.	Singapura	Singapura	Jamiyah Bussiness School, 970 Geylang RR, Tristar Complex, #02-03 Singapore 423492.
4.	Thailand	Bangkok	Assiqraw School, 38/1 M.1 Bankroung-trainoy RD, Bangbuathong, Nonthanburi 11110, Bangkok, Thailand.
5.	Kuwait	Kuwait City	Al-Plaza Complex, 2 nd Floor, Office No.7, Othman Street, Hawally, Kuwait.
6.	Saudi Arabia	Madinah al-Munawwarah	Al-Madinah Al-Munawwarah, P.O Box: 2002.
7.	United Kingdom	London	London Al-Madinah International Ltd. 23 Crawford St. London W1H 1BY, United Kingdom.
8.	Morocco LC	Morocco	Al-Madinah International LTD-Morocco, Apparent No.23, 4 th Floor, Iqimah Wardah(B), Zanaqah Imam ebin Hanbal, Al-Hajj Al-Shetwy, Gileezy, Marrakesh, Morocco.

1.2.2 Madinah Islamic International University

Madinah International Islamic University adalah peneraju bagi institusi yang menawarkan program pengajian Islam yang pertama di Malaysia yang menjalani pengajian jarak jauh menggunakan secara dalam talian. Persekitaran yang komprehensif dan bersepadu untuk pengajian tinggi adalah misi dan objektif utama bagi pusat pengajian ini. Di samping itu, MEDIIU juga menawarkan kualiti yang tinggi terhadap pendidikan yang berasaskan pengkhususan pengajian dan kemahiran serta pengalaman kerja. Bekas Timbalan Rektor(Akademik) MEDIIU, Prof. Madya. Dr. Ashraf Md Hashim¹⁷ berkata;

*“MEDIIU merupakan sebuah institusi swasta, sama seperti institusi pengajian tinggi swasta yang lain di Malaysia, namun universiti ini beroperasi sebagai sebuah badan bukan keuntungan yang didaftarkan pada 23 Jun 2007.”*¹⁸

Dengan itu, sekumpulan cendekiawan tersohor Islam yang menjadi batu asas bagi menubuhkan pusat pengajian ini berhasrat untuk memimpin dan membantu umat Islam bagi menghadapi kehidupan masa kini yang lebih mencabar. MEDIIU mula beroperasi di Malaysia pada Disember 2005¹⁹. Pada tanggal 20 Jun 2007, MEDIIU telah memenuhi syarat-syarat permintaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia²⁰ dengan mendapat akreditasi penuh dan berdaftar di bawah kementerian²¹.

¹⁷ Prof. Madya. Dr. Ashraf bin Md Hashim mempunyai Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti Islam Madinah. Kemudian, beliau melanjutkan pengajian beliau ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang fiqh dan usul fiqh di University Jordan dan menyambung pengajian beliau ke peringkat PhD di University of Birmingham. Beliau juga mengikuti program diploma dalam bidang Perundangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa (IIUM).

¹⁸ Rosnani Saad (2008), Laman Pendidikan@ Selangor dan Kuala Lumpur, Sinar Harian, Ahad, Disember 16, h. 29.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Private Higher Education Institutions Directory (2008)*, Jabatan Kementerian Pelajaran Malaysia, h.8.

²¹ Nombor rujukan akreditasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT/JPS/DFT/US/B22).

Dinamakan dengan Madinah International Islamic University adalah merujuk kepada Madinah atau Madinah al-Munawwarah²² iaitu kota utama Arab Saudi yang menjadi tumpuan para muslimin demi menziarahi Masjid Nabawi dan maqam Rasulullah s.a.w. Di sini juga tempat baginda s.a.w menjadikan ia sebagai kota dakwah islāmiyyah, pengajaran dan pemerintahan Islam²³.

Pada tahun 2008, MEDIIU telah merasmikan institusi mereka dengan membuat pengambilan mahasiswa pertama melalui pengajian yang berteraskan dalam talian (*distance learning*) dengan menawarkan dua fakulti iaitu Fakulti Sains Islam dan Fakulti Bahasa. Bagi Fakulti Sains Islam, pihak MEDIIU mengadakan beberapa kursus di antaranya; Fiqh dan Usūl Fiqh, al-Hadīth, Sains Al-Quran, Da'wah dan Usuluddin. Manakala bagi Fakulti Bahasa pula, mereka menawarkan kursus Bahasa Arab dan Kesusasteraan Bahasa Arab. Di samping itu, terdapat juga kursus lain yang turut ditawarkan iaitu teknologi maklumat dan sistem maklumat perniagaan.

Sejurus itu, perancangan MEDIIU dalam mengembangkan lagi kemajuannya di Malaysia adalah dengan mengadakan sistem pembelajaran secara konvensional atau lebih dikenali sebagai pengajian yang perlu menghadirkan diri ke kampus (*on campus*). Dengan itu, ia lebih menggalakkan kehadiran pelajar-pelajar dari luar negara untuk memenuhi ruang kampus yang disediakan oleh pihak universiti. Perancangan ini dijalankan bagi sesi pengambilan September 2010²⁴. Sistem pembelajaran konvensional ini juga telah mendapat pengiktirafan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, *Malaysian*

²² *The Genesis*, laman sesawang MEDIIU, dicapai pada 22 November 2012, <http://www.medi.u.edu.my/>.

²³ *Madinah al-Munawwarah*, laman sesawang *wikipedia*, dicapai pada 03 Januari 2013, <http://id.wikipedia.org/wiki/Madinah>.

²⁴ *MEDIIU begins offering conventional teaching at the university*, *News Events MEDIIU*, 10 Mei 2010.

Qualifications Agency (MQA) dan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia.

Pembelajaran yang berteraskan konvensional ini juga memberi kesan yang positif di samping mengajak pelajar-pelajar dari serata dunia datang ke Malaysia menikmati keselesaan belajar di MEDIIU dengan kelengkapan dan kemudahan yang secukupnya. Pihak universiti menyediakan disiplin-disiplin ilmu yang sama seperti pengajian yang dijalankan secara dalam talian sebagai contoh kursus Teknologi Maklumat, Sains Pengurusan dan Kewangan dan Sains Islam. Program pengajiannya meliputi empat peringkat yang sama iaitu Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) pada semua fakulti yang ditawarkan²⁵.

Pada tanggal 11 Januari 2010, MEDIIU telah dianugerahkan oleh Kementerian Malaysia sebagai Institut Pengajian Tinggi yang berstatus MSC (Koridor Raya Multimedia)²⁶ Malaysia. MEDIIU diberi penganugerahan kerana mempunyai kelebihan dan kemudahan dalam teknologi informasi dan komunikasi (ICT) yang menjadi tulang belakang bagi mencapai pemprosesan dan penyampaian informasi. Menerusi anugerah ini, MEDIIU mampu melangkah lebih jauh dan menjadi penggalak di dalam industri pengajian.²⁷

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Coridor*) ialah sebuah rancangan kerajaan ke arah kecanggihan teknologi maklumat. Projek ini diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir semasa merasmikan Persidangan Multimedia Asia pada 1 Ogos 1996. Ia juga dikenali sebagai "MSC" di Malaysia, Koridor Raya Multimedia bertujuan menarik syarikat-syarikat dengan pengecualian cukai syarikat serta kemudahan-kemudahan lain seperti internet yang laju.

²⁷ *MEDIIU is now an MSC Malaysia Status, News Events MEDIIU*, 11 Jun 2010.

Rajah 1.2: Sijil Status MSC Malaysia



Sumber: <http://www.medi.u.edu.my/>²⁸

Setelah berhempas pulas dalam membangunkan sebuah institusi yang bertaraf antarabangsa, MEDIIU berjaya mengadakan Majlis Istiadat Konvokesyen buat julung kalinya pada Khamis, 8 Disember 2012. Majlis ini diseri dengan kehadiran Timbalan Menteri, Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Agama Kuwait, Dr. ‘Ādil ‘Abdullah Al-Falāh. Begitu juga dengan kehadiran ahli-ahli diplomat iaitu duta Arab Saudi; H.E. Mūnzir Bader Sulaiman Al-Eissā, duta Kuwait; H.E. Nādir Yousif El-Tayyeb Babiker dan duta dari Republik Sudan. Di samping itu, penglibatan dekan-dekan universiti, pensyarah-pensyarah dari setiap fakulti, kakitangan-kakitangan menjadi di antara tetamu yang hadir pada hari bersejarah itu.

Seramai 40 orang mahasiswa dan mahasiswi (*undergraduate*) berikutan dengan seramai 27 orang peserta lepasan ijazah (*postgraduate*) yang mendapat skrol dari pihak universiti. Rektor MEDIIU; Prof. Dr. Mohammad Khālifa Al-Tamimī yang turut hadir

²⁸ *MEDIIU is now an MSC Malaysia Status*, laman sesawang MEDIIU, dicapai pada 03 Januari 2013, www.medi.u.edu.my.

di majlis tersebut cukup bangga dan menghargai individu-individu yang menggembeling tenaga dan yang terus memberi sumbangan kepada universiti tersebut dalam menjayakan program-program pengajian yang terdapat di sana. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa MEDIIU telah mencapai kejayaan yang dinantikan sehingga melahirkan graduan-graduan yang berjaya di dalam bidang masing-masing. Beliau juga berhasrat bahawa suatu hari nanti MEDIIU juga menjadi salah satu institusi penyelidikan sebagaimana di institusi-institusi yang lain di samping menaiktarafkan universiti tersebut.

Penulis merasakan bahawa atas dasar usaha pihak MEDIIU dalam membina sebuah institusi maya ini, MEDIIU dapat menandingi kualiti dan tahap sebagaimana institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang diiktiraf kerajaan Malaysia.

1.2.3 Visi dan misi penubuhan.

Sebagai pelopor universiti maya bertaraf antarabangsa di Malaysia, visi MEDIIU adalah membuka jalan yang luas dalam menimba ilmu melalui pelbagai aspek di samping menjana kemajuan yang seiring dengan teknologi.

Manakala misi mereka dalam menubuhkan universiti maya ini adalah dengan menggunakan beberapa metode yang terbaik dalam pembelajaran di antaranya memastikan pengurusan pengetahuan dan tahap keintelektualan setanding dengan tahap pencapaian antarabangsa. Selain itu, mencipta kemudahan pembelajaran yang selesa dan kondusif bagi mereka yang ingin menimba pengetahuan serta membuat kajian.

1.2.4 Perkembangan Terbaru Madinah International Islamic University²⁹

Status pencapaian MEDIIU dalam memperkasakannya sebagai pusat pengajian maya yang bertaraf antarabangsa sudah pun mencapai tahap yang memuaskan. Dengan itu, pada April 23hb, 2012 MEDIIU telah menyambut Hari Sambutan Madinah International Islamic University bagi pencapaian suku tahunan 2012. Sambutan ini disambut kerana MEDIIU telah pun memenuhi objektif penubuhan MEDIIU. Di antara objektif MEDIIU dalam melaksanakan program pengajian maya adalah; memberi ruang kepada pelajar untuk menguasai semua bidang ilmu dengan menggunakan teknologi yang terkini, mengadakan kemudahan-kemudahan dan tempat belajar yang komprehensif dan kondusif, melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai pengetahuan yang tinggi di samping mempunyai kemahiran dalam berteknologi.

Pada tahun 2012, MEDIIU mencapai sebanyak 78% bagi memenuhi objektif penubuhan mereka. Sambutan ini disambut bertujuan bagi menggalakkan kualiti dan ketangkasan pekerja-pekerja MEDIIU dalam mengendalikan universiti tersebut. Di samping itu, di dalam sambutan tersebut, para pekerja juga diberi anugerah atas kesungguhan mereka dalam bekerja sepanjang tahun dan tidak lupa juga hadiah bagi cabutan bertuah.

Tambahan pula, MEDIIU menyertai pameran universiti-universiti di Malaysia di mana ia diadakan di Kedutaan Malaysia, Arab Saudi selama tiga hari bermula dari 22 April 2012. Pameran ini dilancarkan oleh H.E. Kedutaan Malaysia; Prof. Datuk Syed Omar Al-Saggaf, Suruhanjaya Tinggi Malaysia; H.E. Encik Mohammad Khalid Abdul

²⁹ Izwah binti Kamaruddin, Pegawai Pemasaran, Jabatan Pentadbiran MEDIIU, dalam tembual dengan penulis, 26 November 2012.

Razak dan Menteri Pengajian Tinggi (MOHE) selaku Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan; YBhg. Datuk Haji Omar bin Abd.Rahman.

Bersempena dengan pameran itu, MEDIIU mengambil kesempatan untuk mempromosikan program pengajian Ijazah Sarjana Muda (*Undergraduate*) dan Lulusan Ijazah (*Postgraduate*) di dalam beberapa fakulti iaitu; Fakulti Sains Islam, Fakulti Bahasa, Fakulti Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Kewangan dan Sains Pengurusan, Fakulti Pendidikan dan Kejuruteraan.³⁰

1.3 KONSEP PENGAJIAN YANG DIADAKAN³¹

1.3.1 Kelayakan Kemasukan Ke MEDIIU

Pemohon yang ingin memasuki MEDIIU perlulah mendaftar diri secara dalam talian melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) di laman web yang disediakan dan mereka akan dikenakan bayaran pendaftaran sebanyak RM25 kepada pemohon tempatan dan RM100 kepada pemohon luar negara yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Manakala di peringkat Sarjana pula, mereka dikenakan sebanyak RM100 bagi pemohon di seluruh negara. Sesi pendaftaran kemasukan MEDIIU dibuka setiap tahun dan perlulah diisi sekurang-kurangnya enam minggu sebelum pengambilan baru bagi setiap sesi dan semester iaitu samada pada September, November, Februari ataupun Jun.

Borang pendaftaran *via online* disediakan dalam dwibahasa iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Selepas pemohon mendaftar diri, pemohon akan menerima

³⁰ *MEDIIU participate In Malaysian Universities Exhibition in Jeddah, Saudi Arabia, News Events MEDIIU*, 8 Mei 2012.

³¹ Nurzamir bin Zakaria, Ketua Unit, Pereka Pengajaran, Jabatan Reka Bentuk dan Multimedia, MEDIIU, dalam temubual dengan penulis, 26 November 2012.

maklumbalas dari pihak MEDIIU yang disertai dengan kata laluan dan ID pemohon melalui *email*. Dengan itu, pelajar diberi kemudahan untuk membaiki borang pendaftaran mereka selain dari mencari maklumat di dalam laman web MEDIIU. Seterusnya pihak MEDIIU memainkan peranan dalam memilih subjek-subjek tertentu mengikut kehendak kursus dan program pengajian yang dipilih oleh pemohon. Yuran pengajian dan kelas tambahan akan diberitahu seminggu selepas proses pemilihan subjek dijalankan.

1.3.1.1 Ijazah Sarjana

Sepertimana syarat dan kelayakan yang ditetapkan di mana-mana institusi pengajian, MEDIIU meletakkan syarat am bagi pemohon yang ingin menyambung pengajian mereka di peringkat Ijazah Sarjana, mereka wajib memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti. Di samping itu, pemohon hendaklah lulus ujian kemahiran Bahasa Arab MEDIIU (*Al-Madinah Arabic Proficiency Test*) kerana Bahasa Arab merupakan medium teras bagi setiap program.

Bagi pemohon yang tidak mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam pengajian Islam dan ingin mengambil program pengajian Sains Islam, mereka hendaklah membuat permohonan berserta surat rayuan. Di samping itu, mereka wajib melengkapkan kursus pengajian mereka dengan mengambil subjek-subjek pilihan secara percuma dan tidak melebihi tiga semester dan lulus dengan baik. Di antara subjek-subjek pilihan ialah; Sejarah Perundangan Islam, Pengenalan kepada Sains Al-Quran, Pengenalan kepada Kepercayaan Islam, Pencerobahan Ideologi dan Pengenalan Istilah-istilah Sains Hadīth.

1.3.1.2 Ijazah Sarjana Muda

Permohonan Ijazah Sarjana Muda perlulah memiliki syarat-syarat am universiti iaitu; lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia kertas Julai. Manakala kelayakan minimum bagi pemohon adalah lulus diploma dalam bidang yang sesuai atau kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat Universiti dengan mendapat CGPA sekurang-kurangnya 2.0 atau lulus Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sekurang-kurangnya dua kepujian begitu juga dengan Sijil Tinggi Agama syaratnya hanyalah pangkat lulus sahaja. Selain itu, pemohon hendaklah lulus ujian kemahiran Bahasa Arab MEDIU (*Al-Madinah Arabic Proficiency Test*).

1.3.1.3 Diploma

Syarat kelayakan minimum bagi pemohon yang ingin mengikuti program Diploma di MEDIU, hendaklah lulus sekurang-kurangnya tiga subjek termasuk Matematik di dalam *General Certificate of Education "Ordinary Level" (GCE) 'O' Level Examination (UK Educational System)*. Begitu juga dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) sekurang-kurangnya mendapat tiga kepujian. Sekiranya pemohon luar negara yang tidak menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda, pemohon haruslah mencapai sebanyak 5.0 mata pencapaian di dalam peperiksaan TOEFL (*Test of English as a Foreign Language*) atau band 5.5 di dalam IELTS (*International English Language Testing Service*). Manakala bagi pemohon yang tidak mempunyai kedua-dua jenis peperiksaan mereka perlulah menghadiri peperiksaan MEDIU's *English Placement Test (MEPT)* dengan kadar minimum sebanyak 4.0 mata.

Pada hemat penulis, syarat-syarat kemasukan pelajar ke MEDIIU sama dengan kelayakan para pelajar ke IPTA dan IPTS yang lain. Malah syarat kemasukkan MEDIIU lebih ringan dan ini juga memudahkan para pelajar yang tidak berpeluang untuk sambung pengajian ke IPTA dan IPTS.

1.3.2 Metode Pengajian³²

Metode pengajian yang digunakan di MEDIIU adalah melalui dua rangkaian iaitu; pengajian secara konvensional dan pengajian secara dalam talian.

1.3.2.1 Konvensional (Pertemuan Bersemuka)

Sistemika pembelajaran berorientasikan konvensional adalah memastikan para pelajar akan dijadualkan untuk bertemu dengan pensyarah di pusat pembelajaran yang akan disediakan di MEDIIU. Melalui pertemuan ini, pelajar akan dapat mengikuti sesi tutorial yang mana topik-topik tertentu akan dibincangkan bersama pensyarah dan rakan sepengajian. Setiap pensyarah adalah dilantik oleh MEDIIU dan mereka dibekalkan dengan jadual dan panduan pengajaran untuk membolehkan mereka mengendalikan sesi tutorial dengan berkesan.

Adalah menjadi kewajipan pihak universiti untuk mengatur jadual waktu pertemuan bersemuka dengan mengambil kira beberapa faktor seperti bilangan tutor yang dilantik untuk sesuatu kursus, bilangan pelajar yang mengikuti kursus serta bilangan bilik tutorial serta kemudahan lain. Ini bermakna semua pelajar wajib akur

³² *Ibid.*

dengan jadual waktu yang disediakan supaya setiap sesi pertemuan akan berjalan dengan lancar.³³

1.3.2.2 Pembelajaran Secara Dalam Talian

Pembelajaran secara dalam talian merupakan kaedah pembelajaran secara sendiri di mana pelajar tidak akan menghadiri tutorial bersemuka berjadual. Pelajar akan diperuntukkan dengan seorang pensyarah dari mana-mana negara yang akan membimbing pelajar disepanjang semester. Struktur kurikulum dan proses pembentukannya adalah melalui beberapa struktur yang mewajibkan para pelajar menghadirinya iaitu sesi tutorial, e-forum dan tugas yang diberikan.

Sesi tutorial secara fizikalnya diadakan secara bertemu muka menggunakan sidang video (penggunaan ALIM) melalui komputer dan rangkaian internet para pelajar sendiri. Pelajar wajib menghadiri sesi tutorial dalam talian ini mengikut tempat yang direncanakan.

Pengendalian kuliah ini lazimnya diadakan secara berjadual 1 ½ jam bagi setiap subjek pada setiap minggu dan lazimnya bercorak intensif. Perjalanan pengendalian kursus pengajian adalah seperti pengajaran secara konvensional dengan guru memberi kuliah, membuat tutorial dan perbincangan, mengadakan kuiz atau peperiksaan dan memantau prestasi pelajar tersebut. Namun begitu, pelajar boleh menghubungi guru terbabit dari semasa ke semasa melalui telefon, internet, faks dan sebagainya³⁴.

³³ Kaedah pembelajaran di Open University Malaysia (Kertas Kerja Garis Panduan Pendaftaran Open University Malaysia), h.2-3.

³⁴ Garis Panduan Prosedur, Kriteria Dan Standard Kualiti Kursus Pengajian Yang Dikendalikan Secara Pendidikan Jarak Jauh Bagi IPTS, h.7, laman sesawang Lembaga Akreditasi Negara, dicapai pada 03 Januari 2013, <http://jpt.mohe.gov.my>.

Penulis menyokong metode pengajian yang diadakan oleh MEDIIU kerana MEDIIU memberi pilihan kepada para pelajar untuk memilih metode masing-masing mengikut keselesaan mereka.

1.4 PENGAJIAN-PENGAJIAN YANG DITAWARKAN³⁵

Terdapat enam buah fakulti yang ditubuhkan di MEDIIU ini, di antaranya;

- 1) Fakulti Sains Islam.
- 2) Fakulti Bahasa Arab.
- 3) Fakulti Komputer dan Teknologi Informasi.
- 4) Fakulti Sains Kewangan dan Pengurusan.
- 5) Fakulti Pendidikan.
- 6) Fakulti Kejuruteraan.
- 7) Pusat Bahasa (Persijilan).

Akan tetapi, tidak semua fakulti yang ada meliputi semua peringkat program pengajian seperti Fakulti Pendidikan. Fakulti Pendidikan hanya menawarkan program Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) sahaja.

Fakulti-fakulti yang diadakan di MEDIIU ini merekabentuk dan membangunkan kurikulum, buku-buku teks dan program pendidikan. Tambahan pula MEDIIU telah memperolehi kelulusan, akreditasi sementara dan akreditasi ini adalah untuk semua program yang ditawarkan. Selain itu, MEDIIU juga sentiasa mengekalkan dan memperbaiki dasar akademik, peraturan dan pengawalan untuk mencapai target institusi

³⁵ Asst.Prof.Dr.Hj. Wan Mat Hj Sulaiman, Perunding Akademik, Hal Ehwal Akademik, dalam temubual dengan penulis, 22 November 2012.

bertaraf antarabangsa dengan melaksanakan pendidikan asas, diploma dan kursus-kursus ijazah.

MEDIU juga bekerjasama dengan *Institute of Postgraduate Studies* dalam usaha membentuk pengajaran dan proses pembelajaran bagi kursus-kursus sarjana dan PhD. Pun begitu, dengan kerjasama *Research and Development Division*, MEDIU mampu mempromosikan penyelidikan saintifik dan kajian yang boleh menyumbang kepada pembangunan dan integrasi pengetahuan di samping memperkuat intelektual dan kerjasama saintifik dengan pihak dalam dan luar negara untuk merancang seminar akademik dan menyertai seminar-seminar akademik, saintifik dan forum-forum secara aktif³⁶.

1.4.1 Pusat Bahasa (Persijilan)

Bahasa menunjukkan perantara yang utama bagi melengkapi komunikasi seharian kita terutama di kalangan masyarakat yang berbeza latar belakang dan di antara bahasa yang dijadikan perantara ialah Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Perancis dan sebagainya. Menurut Pengerusi Jabatan Pendidikan Jamiyah, Encik Mohd Hasbi Abu Bakar berkata terdapat permintaan yang semakin meningkat untuk mempelajari bahasa Arab di Singapura misalnya para pegawai pemerintah dari Kementerian Ehwat Luar dan Kementerian Ehwat Dalam Negeri, serta pegawai bank komersial telah mengikuti kursus bahasa arab bersama Jamiyah³⁷. Oleh itu, MEDIU menawarkan program persijilan untuk jangka masa pendek bagi menguasai Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

³⁶ *Entry Requirement*, laman sesawang MEDIU, dicapai pada 19 Disember 2012, <http://www.medi.u.edu.my>.

³⁷ Soraya Salim (2008), Belajar Bahasa Arab Dalam Talian, Berita Harian, Sebuah Penerbitan Singapore Press Holdings, Rabu, Mac 26, muka hadapan.

Tertubuhnya pusat bahasa di MEDIIU adalah sebagai langkah permulaan dan persediaan untuk pelajar yang ingin mengikuti program pengajian yang selanjutnya di MEDIIU. Ini disebabkan medium bahasa yang digunakan di MEDIIU adalah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab sahaja. Di samping itu, pusat bahasa ini juga melengkapkan kursus TOEFL (*Test of English as a Foreign Language*) bagi individu yang akan menjalani peperiksaan TOEFL.

Para pelajar mampu menjalani program persijilan ini dengan kaedah konvensional atau mengikuti kelas pengajian mereka secara dalam talian melalui *Advance Learning Information Management System* (ALIM). Selain itu, para pelajar juga boleh mengikuti pengajian secara sendiri dengan menggunakan CD-ROM dan buku-buku teks yang disediakan bagi mencambah kemahiran dan mempraktikkannya di mana-mana. Sewaktu pengajian dijalankan para pelajar perlu mengikuti lima kaedah pembelajaran iaitu: mendengar, berkomunikasi, membaca, menulis dan mempelajari tatabahasa. Jadual kursus dan tempoh pengajian adalah seperti berikut;

Jadual 1.2: Kursus Persijilan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab

Kursus Jangkamasa Pendek	Kategori	Tempoh Pengajian
Level 1	Sepenuh masa	14 Minggu
Level 2	Sepenuh masa	14 Minggu
Level 3	Sepenuh masa	14 Minggu
Level 4	Sepenuh masa	14 Minggu

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Di samping itu, MEDIIU juga ada menawarkan kursus baru iaitu kursus persijilan pre-kejuruteraan dan tempoh pengajiannya selama setahun. Para pelajar boleh mengikuti pengajian ini samada sepanjang masa sebanyak 3 semester atau separuh masa

sebanyak 4 semester. Di antara subjek-subjek yang dipelajari ialah Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Matematik, Fizik, Kimia dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral.

1.4.2 Fakulti Sains Islam³⁸

Fakulti Sains Islam memberi peluang kepada para pelajar untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD. Namun begitu, setiap peringkat pengajian tidak merangkumi program pengajian yang sama. Bagi program pengajian Sains Islam di peringkat Ijazah Sarjana Muda, program pengajiannya lebih bersifat umum berbanding dengan Sarjana dan PhD di mana programnya yang lebih khusus dan menjurus kepada kepakaran bidang masing-masing.

Jadual 1.3: Ijazah Sarjana Muda Sains Islam

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	BA(Hons)	KPT/JPS(PA8822)03/2013	4 Tahun
	Konvensional	Fiqh dan Usūl Fiqh	KPT/JPS(PA0765)04/2016	
2.	<i>Online</i>	BA(Hons)	KPT/JPS(PA8821)03/2013	4 Tahun
	Konvensional	Da'wah dan Usuluddin	KPT/JPS(PA0766)04/2016	
3.	<i>Online</i>	BA(Hons) Al-	KPT/JPS(PA8797)03/2013	4 Tahun
	Konvensional	Hadīth	KPT/JPS(PA0767)04/2016	
4.	<i>Online</i>	BS(Hons) Al-	KPT/JPS(PA8061)07/2012	4 Tahun
	Konvensional	Quran Sains	KPT/JPS(PA0768)04/2016	

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual di atas merujuk kepada struktur pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Islam. Program pengajian yang ditawarkan bagi peringkat ini ialah: Fiqh dan Usūl Fiqh, Da'wah dan Usuluddin, Pengajian al-Hadīth dan Pengajian Al-Quran.

Jadual 1.4: Sarjana Sains Islam

Bil	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Kursus	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online</i>	Sarjana Aqidah	KPT/JPS(PA9616)05/2014	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA770)04/2016	
	<i>Online/</i>	Sarjana	JPT/BPP(U)(PA0126)11/2	1 Tahun

³⁸ Asst.Prof.Dr.Hj. Wan Mat Hj Sulaiman, Perunding Akademik, Hal Ehwal Akademik dalam temubual dengan penulis, 22 November 2012.

	Konvensional	Aqīdah(disertasi)	015	
2.	Online	Sarjana Qada' dan	KPT/JPS(PA9619)01/2014	2 Tahun
	Konvensional	Siyasah Syar'iyah	KPT/JPS(PA0772)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Qada' dan Siyasah Syar'iyah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0127)11/2 015	1 Tahun
3.	Online	Sarjana 'Ulum	KPT/JPS(PA9614)01/2014	2 Tahun
	Konvensional	Hadīth	KPT/JPS(PA0733)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana 'Ulum Hadīth(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0130)11/2 015	1 Tahun
4.	Online	Sarjana Fiqh	KPT/JPS(A9424)09/2013	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0733)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Fiqh(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA10938)05/ 2015	1 Tahun
5.	Online	Sarjana Usūl Fiqh	KPT/JPS(A9425)09/2013	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0755)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Usūl Fiqh(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA10939)05/ 2015	1 Tahun
6.	Online	Sarjana Tafsir dan	KPT/JPS(A9426)09/2013	2 Tahun
	Konvensional	'Ulum Quran	KPT/JPS(PA0776)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Tafsir dan 'Ulum Quran(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA10941)03/ 2015	1 Tahun
7.	Online	Sarjana Fiqh Al-	KPT/JPS(A9427)09/2013	2 Tahun
	Konvensional	Sunnah	KPT/JPS(PA0777)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Fiqh Al- Sunnah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA10940)05/ 2015	1 Tahun
8.	Online	Sarjana Da'wah	JPT/BPP(U)(PA9618)09/2 014	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0779)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Da'wah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0128)11/2 015	1 Tahun
9.	Online	Sarjana Qira'āt	JPT/BPP(U)(PA9615)12/2 014	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0708)04/2016	
	Online/ Konvensional	Sarjana Qira'āt(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0129)11/2 015	1 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Terdapat sembilan jenis program pengajian yang ditawarkan di MEDIIU bagi Fakulti Sains Islam peringkat Sarjana dan ini merupakan program pengajian terbanyak yang ditawarkan berbanding dengan program-program pengajian yang lain. Menurut jadual 1.4, di antara program pengajian yang ditawarkan ialah: Aqīdah, Qada' dan

Siyasah Syar'iyah, 'Ulūm al-Hadīth, Fiqh, Usūl al-Fiqh, Tafsir dan 'Ulūm Al-Quran, Fiqh as-Sunnah, Da'wah dan Qira'āt.

Apabila diteliti kertas lampiran pengajian Ijazah Sarjana Sains Islam di MEDIIU, penulis tertarik dengan pengajian yang ditawarkan kerana pengajian yang ditawarkan amat mengkhususkan bidang pengajian Islam dan ini membuatkan para pelajar lebih menguasai sesebuah bidang secara khusus sebagai contoh Ijazah Sarjana Qira'āt. Di samping itu, mod pengajian juga membuat pelajar lebih selesa untuk membuat pemilihan bagi menetapkan cara belajar mereka kerana kebanyakan pelajar Ijazah Sarjana adalah warga bekerja.

Jadual 1.5: PhD Sains Islam

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Fiqh(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11167)0 5/2015	2 Tahun
2.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Usūl Fiqh(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11168)0 5/2015	2 Tahun
3.	<i>Online/</i> konvensional	PhD Fiqh Sunnah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11169)0 5/2015	2 Tahun
4.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Tafsir dan 'Ulūm Quran(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11170)0 5/2015	2 Tahun
5.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Da'wah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0219)11/ 2015	3 Tahun
6.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD 'Ulūm Al- Hadīth(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0215)11/ 2015	3 Tahun
7.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Qira'āt(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0217)11/ 2015	3 Tahun
8.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Aqīdah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0218)11/ 2015	3 Tahun
9.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Qada' dan Siyasah Syar'iyah(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0216)11/ 2015	3 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual di atas menunjukkan struktur program pengajian bagi peringkat PhD yang merangkumi sembilan jenis program yang ditawarkan di antaranya: Fiqh, Usūl Fiqh,

Fiqh as-Sunnah, Tafsir dan ‘Ulūm Al-Quran, Da’wah, ‘Ulūm al-Hadīth, Qira’āt, Aqīdah dan Qada’ dan Siyāsah Syar’iyyah.

1.4.3 Fakulti Pendidikan³⁹

Tawaran program pengajian di Fakulti Pendidikan adalah menunjukkan program yang paling sedikit anjurannya. Fakulti Pendidikan lebih menumpukan pengajian di peringkat Sarjana dan PhD sahaja.

Jadual 1.6: Sarjana Pendidikan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Kursus	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/ Konvensional</i>	Sarjana Pendidikan: Psikologi Pendidikan(disertasi)	KPT/JPS(PA1293)11/2 016	3 Tahun
2.	<i>Online/ Konvensional</i>	Sarjana Pendidikan: Kurikulum dan Pengajaran(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0312)1 2/2015	3 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.7: PhD Pendidikan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/ Konvensional</i>	PhD Pendidikan: Kurikulum dan Pengajaran(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA0132)1 2/2015	3 Tahun
2.	<i>Online/ Konvensional</i>	PhD Pendidikan: Psikologi Pendidikan(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11295) 11/2016	3 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.6 dan jadual 1.7, menunjukkan program Sarjana dan PhD Pendidikan yang meliputi subjek Psikologi Pendidikan dan Kurikulum dan Pengajaran. Pengajiannya hanya tertumpu kepada penulisan disertasi.

³⁹ *Ibid.*

1.4.4 Fakulti Kewangan Dan Sains Pengurusan

Fakulti Kewangan dan Sains Pengurusan merupakan salah sebuah fakulti yang menawarkan programnya bukan sahaja di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD sebagaimana fakulti-fakulti selainnya, malah fakulti ini menawarkan program pengajian berperingkat Diploma. Oleh itu, para pelajar bolehlah memulakan sesi pengajian mereka dari peringkat paling asas hinggalah peringkat yang paling terperinci.

Jadual 1.8: Diploma Sains Kewangan dan Pengurusan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	Diploma Sistem Maklumat Perniagaan	KPT/JPS(PA9260)08/2013	3 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0781)04/2016	

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual di atas menunjukkan program pengajian Diploma sistem maklumat perniagaan di dalam Fakulti Sains Kewangan dan Pengurusan di MEDIIU.

Jadual 1.9: Ijazah Sarjana Muda Sains Kewangan dan Pengurusan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	BA(Hons) Sistem Maklumat Perniagaan	KPT/JPS(PA9260)08/2013	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0781)04/2016	
2.	<i>Online</i>	BA(Hons) Pengurusan Perniagaan	KPT/JPS(PA9478)07/2014	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0782)04/2016	
3.	<i>Online</i>	BA(Hons) Pengurusan Perniagaan <i>E-Commerce</i>	KPT/JPS(PA9475)07/2014	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0782)04/2016	

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Program pengajian bagi Fakulti Sains Kewangan dan Pengurusan Ijazah Sarjana Muda mempunyai tiga jenis program iaitu; Sistem Maklumat Perniagaan, Pengurusan Perniagaan dan Pengurusan Perniagaan *e-Commerce*.

Jadual 1.10: Sarjana Sains Kewangan dan Pengurusan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/</i> Konvensional	Sarjana Perbankan Islam(disertasi)	KPT/JPS(PA0354)03/2016	1 ½ Tahun
2.	<i>Online/</i> Konvensional	Sarjana Ekonomi(disertasi)	KPT/JPS(PA449)03/2016	1½ Tahun
3.	<i>Online/</i> konvensional	Sarjana Pengurusan Perniagaan(disertasi)	KPT/JPS(PA0446)03/2016	1 ½ Tahun
4.	<i>Online/</i> Konvensional	Sarjana Perakaunan(disertasi)	KPT/JPS(PA0447)03/2016	1 ½ Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.11: PhD Sains Kewangan dan Pengurusan

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Perbankan Islam(disertasi)	KPT/JPS(PA0387)03/2016	3 Tahun
2.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Ekonomi(disertasi)	KPT/JPS(PA386)03/2016	3 Tahun
3.	<i>Online/</i> konvensional	PhD Pengurusan Perniagaan(disertasi)	KPT/JPS(PA0388)03/2016	3 Tahun
4.	<i>Online/</i> Konvensional	PhD Perakaunan(disertasi)	KPT/JPS(PA0385)03/2016	3 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Sarjana dan PhD bagi Fakulti Sains Kewangan dan Pengurusan mempunyai program pengajian yang sama dan hanya menumpukan pada penulisan disertasi. Jadual 1.10 dan jadual 1.11, menunjukkan program pengajian yang merangkumi subjek; Perbankan Islam, Ekonomi, Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan.

1.4.5 Fakulti Teknologi Maklumat⁴⁰

Bersesuaian dengan konsep mod pengajian *online* yang ditawarkan oleh MEDIIU di mana MEDIIU mempunyai pakar-pakar dalam mengendalikan rangkaian-rangkaian telekomunikasi dan komputer, Fakulti Komputer dan Teknologi maklumat mempunyai program pengajian dari peringkat Diploma hinggalah ke peringkat PhD.

⁴⁰ *Ibid.*

Jadual 1.12: Diploma Komputer dan Teknologi Maklumat

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	Diploma Teknologi Maklumat	KPT/JPS(PA9259)08/2013	3 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0784)04/2016	

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Diploma Teknologi Maklumat hanya tertumpu pada satu program pengajian sahaja iaitu Diploma Teknologi Maklumat yang boleh menggunakan mod pengajian secara dalam talian atau konvensional.

Jadual 1.13: Ijazah Sarjana Muda Komputer dan Teknologi Maklumat

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	BA(Hons) Teknologi Maklumat	KPT/JPS(PA9476)10/2013	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0785)04/2016	
2.	<i>Online</i>	BA(Hons) Pengurusan Sistem Maklumat	KPT/JPS(PA9479)01/2014	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0786)04/2016	
3.	<i>Online</i>	BA(Hons) Sistem Pembangunan dan Pengurusan	KPT/JPS(PA9479)01/2014	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0787)04/2016	
4.	Konvensional	BA(Hons) Sains Komputer	JPT/BPP(U)(PA004)02/2016	4 Tahun
5.	Konvensional	BA(Hons) Komputer <i>Network</i>	JPT/BPP(U)(PA0042)02/2016	4 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.13 merujuk kepada pengajian Ijazah Sarjana Muda Fakulti Teknologi Maklumat yang menunjukkan tiga program pengajian yang boleh menggunakan mod *online* atau konvensional iaitu; Teknologi Maklumat, Pengurusan Sistem Maklumat dan Sistem Pembangunan dan Pengurusan. Manakala dua program pengajian yang hanya melibatkan mod konvensional sahaja iaitu; Sains Komputer dan Komputer *Network*.

Jadual 1.14: Sarjana Komputer dan Teknologi Maklumat

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Kursus	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online</i>	Sarjana Sains Teknologi dan Teknologi Komunikasi	KPT/JPS(PA0354)03/2016	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0253)03/2016	
	<i>Online/ Konvensional</i>	Sarjana Sains Teknologi dan Teknologi Komunikasi(die sertasi)	KPT/JPS(PA0800)04/2016	1 Tahun
2.	Konvensional	Sarjana ICT <i>E-Enterprise</i>	KPT/JPS(PA03553)07/2016	2 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual di atas menunjukkan dua program pengajian peringkat Sarjana yang mempunyai mod yang berbeza. Pengajian Sains Teknologi dan Tekonologi Komunikasi bagi *coursework* dan penulisan disertasi sepenuhnya diberi pilihan mod pengajiannya samada *online* atau konvensional. Manakala sarjana ICT *e-Enterprise* pula hanya tertumpu kepada mod konvensional sahaja.

Jadual 1.15: PhD Komputer dan Teknologi Maklumat

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/ Konvensional</i>	PhD Maklumat dan Teknologi Komunikasi(disertasi)	KPT/JPS(PA00252)03/2016	2 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

PhD Fakulti Komputer dan Teknologi Maklumat mempunyai satu program pengajian sahaja iaitu; Maklumat dan Teknologi Komunikasi.

1.4.6 Fakulti Bahasa Arab

Fakulti Bahasa Arab menjadi fakulti yang wajib ditubuhkan di MEDIIU kerana hampir 85% daripada pekerja, pensyarah dan pelajar adalah berasal dari Arab Saudi dan

timur tengah. Oleh itu, MEDIIU mengadakan program Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PhD di dalam Fakulti Bahasa Arab ini.

Jadual 1.16: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	<i>Online</i>	BA(Hons) Bahasa Arab	KPT/JPS(PA8823)03/2013	4 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0769)04/2016	

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab mengambil masa empat tahun dengan pemilihan mod pengajian samada dalam talian atau konvensional.

Jadual 1.17: Sarjana Bahasa Arab

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Kursus	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online</i>	Sarjana Sastera Arab dan Kritikan Sastera	KPT/JPS(PA0771)04/2016	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA9617)05/2014	
	<i>Online/ Konvensional</i>	Sarjana Sastera arab dan Kritikan Sastera(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11225)05/2015	1 Tahun
2.	<i>Online</i>	Sarjana Bahasa Arab	KPT/JPS(PA9428)09/2013	2 Tahun
	Konvensional		KPT/JPS(PA0778)04/2016	
	<i>Online/ Konvensional</i>	Sarjana Bahasa Arab(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11226)05/2015	1 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.18: PhD Bahasa Arab

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod Pengajian	Tempoh Pengajian
1.	<i>Online/ Konvensional</i>	PhD Bahasa Arab(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11321)05/2015	2 Tahun
2.	<i>Online/ Konvensional</i>	PhD Sastera dan Kritikan Sastera(disertasi)	JPT/BPP(U)(PA11322)05/2015	2 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual 1.17 dan jadual 1.18 menunjukkan Sarjana dan PhD Bahasa Arab yang mempunyai dua jenis program pengajian sahaja iaitu; Sarjana Sastera Arab dan Kritikan Sastera dan Sarjana Bahasa Arab.

1.4.7 Fakulti Kejuruteraan⁴¹

Fakulti Kejuruteraan merupakan fakulti yang baru sahaja dilancarkan di MEDIIU. MEDIIU hanya menawarkan program pengajian di peringkat persijilan dan diploma sahaja.

Jadual 1.19: Diploma Kejuruteraan Awam

Bil.	Mod Pengajian	Program Pengajian	Kod kursus	Jangkamasa
1.	Konvensional	Diploma Kejuruteraan Awam	KPT/JPS(PA0910)12/2016	3 Tahun

Sumber: Kertas Lampiran MEDIIU

Jadual di atas menunjukkan program pengajian yang ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan iaitu Diploma Kejuruteraan Awan di dalam mod konvensional.

1.5 KESIMPULAN

Pada hemat penulis, MEDIIU mampu mengorak langkah yang lebih maju demi memartabatkan misi dan visi universiti. Pelbagai usaha yang diterbitkan oleh pihak MEDIIU untuk memastikan golongan dan masyarakat Islam khususnya mencari ilmu di samping meningkatkan kualiti diri dengan penimbaan ilmu. Selain daripada penekanan MEDIIU terhadap Pengajian Islam dan juga Bahasa Arab, MEDIIU juga berusaha mengadakan pengajian-pengajian akademik.

Di samping itu, program pengajian yang ditawarkan oleh MEDIIU tidak membebankan para pelajar yang mempunyai kekangan masa dan tempat, mereka boleh menghadiri sesi tutorial melalui *online*. Tambahan pula, MEDIIU telah mendapat pengiktirafan terhadap beberapa program pengajian oleh MQA dan membolehkan

⁴¹ *Ibid.*

pelajar-pelajar yang tidak berpeluang melanjutkan pengajian ke Institut Pengajian Awam (IPTA) melanjutkan pengajian mereka di MEDIIU.